



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 MAC 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	REGIONAL COLLABORATION NEEDED TO SAFEGUARD FOOD SECURITY, NATIONAL, THE SUN -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SEGERA PULIHKAN BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN, NEGARA, KOSMO -8	
3.	PM ARAH KPKM SEGERA PULIHKAN BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN, NASIONAL, SH -8	
4.	BEKALAN BERAS TEMPATAN MASIH KURANG DI KEDAH, NASIONAL, SH -8	
5.	PERLIS TERIMA 30 TAN BERAS PUTIH TEMPATAN BERSUBSIDI, NASIONAL, SH -8	
6.	SETAHUN TANGGUNG BEBAN BERAS MAHAL, LOKAL, HM -17	
7.	PM ARAH KPKM SEGERAKAN PEMULIHAN JUALAN BPT, LOKAL, HM -17	
8.	PERLIS TERIMA 3,000 KAMPIT BPT UNTUK EDARAN JUALAN KE PASAR RAYA, LOKAL, HM -17	
9.	TINGKAT KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA, LOKAL, HM -18	
10.	BERAS PUTIH TEMPATAN MULA DIEDAR, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
11.	ANWAR ARAH SEGERAKAN PEMULIHAN BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN, NASIONAL, BH -7	
12.	DATA TEPAT DAN RELEVAN TINGKAT KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA, NASIONAL, BH -7	
13.	OWNER OF DOG THAT MAULED BOY FACES FINE, SAYS COUNCIL, NATION, NST -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
14.	MARDI TIADA KUASA PANTAU BENIH PADI SAH, NASIONAL, BH -7	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Regional collaboration needed to safeguard food security

PHNOM PENH: Climate change poses a growing threat to Malaysia's food security, with erratic weather patterns and rising temperatures disrupting global agriculture.

As domestic food production faces increasing risks, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said Malaysia and the region remain vulnerable to climate change threats, emphasising the need for regional collaboration to address potential food shortages.

"We have enough stock of rice for at least six months. But we do not know what will happen because of climate change, so food security is important."

"We have to work with other countries in the region to safeguard our food security. Our *padi* production was 71% before but now it is 56%."

"About 20,000ha of *padi* land were converted for housing projects and our young generation refuses to work in *padi* fields because of low income."

He made a two-day visit to Phnom Penh at

the end of February to hold discussions with his Cambodian counterpart, Agriculture, Forestry and Fisheries Minister Dith Tina.

The main topics that surfaced during the discussion were food security, rice imports (mainly fragrant rice), aquaculture, fisheries and agriculture sector cooperation.

Cambodia's rice exports totalled 651,522 tonnes last year. Over 100,000 tonnes went to China while Asean countries procured nearly 130,000 tonnes.

It exports a variety of rice, including fragrant rice, white grains, parboiled rice and organic rice. The Sen Kro Ob fragrant long-grain rice variety is renowned worldwide.

Malaysia imports about 50,000 tonnes of fragrant rice from Cambodia, contributing to imports needed to meet the country's national consumption of nearly 2.5 million tonnes.

Geopolitical challenges, uncertain export policies of rice producers and erratic weather conditions could quickly disrupt supply in the international market, impacting

importing countries.

"We had a rice problem in Malaysia last year, especially when India stopped exports of white rice to other countries because they had internal problems."

India, the world's second major rice exporter after China, temporarily banned non-basmati rice exports in 2023 to curb high inflation and rising domestic food prices. However, last year the Indian government lifted the ban.

Mohamad said Malaysia and Cambodia did not sign any agreements during his recent trip but discussed rice production extensively as Cambodia produces five times more rice than Malaysia.

"Cambodia has plenty of *padi* farms and produces quality rice for exports. We could buy more in the future, if needed. Their fisheries sector is also strong."

According to the General Department of Customs and Excise, bilateral trade reached US\$780 million (RM3.48 billion) as of November last year. — Bernama

Segera pulihkan bekalan beras putih tempatan

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan diarah supaya menyegerakan usaha pemulihan bekalan beras putih tempatan di pasaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau mengambil maklum berkenaan isu beras putih tempatan yang terus menjadi perhatian di negara ketika ini.

"Insya-Allah, pemulihan bekalan ini sedang dilaksanakan secara berfasa.

"Kementerian berkaitan juga telah diarahkan untuk memulakan perkembangan berkaitan pemulihan bekalan ini secara berkala kepada rakyat," katanya.

Perkara itu disampaikan oleh Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrudin Abaidah menerusi siaran langsung Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri di Facebook semalam.

Terdahulu, tinjauan pihak media di beberapa buah pasar raya mendapati, sebanyak 24 juta kampak beras putih tempatan (BPT) bersubsidi pada harga RM26 bagi pek 10 kilogram (kg) seperti yang dijanjikan masih



BERAS putih tempatan akan dibekalkan secara berfasa selepas 'hilang' di pasaran sejak lebih setahun lalu. – GAMBAR HIASAN

tiada dalam pasaran kecuali di Terengganu, yang mana dua cawangan kedai runcit di Kuala Terengganu menerima penghantaran pertama kelmarin.

Hal tersebut mendatangkan persoalan dalam kalangan rakyat lebih-lebih lagi beras putih tempatan diperlukan untuk digunakan ketika bulan Ramadan ini.

PM arah KPKM segera pulihkan bekalan beras putih tempatan

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menyegerakan usaha pemulihan bekalan beras putih tempatan di pasaran.

Memetik inisiatif Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri (PMO), Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah berkata, pemulihan bekalan tersebut sedang dilaksanakan secara berfasa.

"Perdana Menteri mengambil maklum berkenaan isu beras putih yang menjadi perhatian di negara ini. Insya-ALLAH pemulihan bekalan sedang dilaksanakan secara berfasa.

"Beliau juga mengarahkan KPKM untuk memaklumkan perkembangan

berkenaan pemulihan bekalan ini secara berkala kepada rakyat," katanya pada Isnin ketika membaca Taklimat Harian PMO kepada umum menerusi YouTube Perdana Menteri.

Orang ramai boleh mula mendapatkan maklumat terkini mengenai Perdana Menteri menerusi Taklimat Harian PMO yang diadakan dalam dua sesi iaitu pada jam 11 pagi dan 5 petang.

Dalam taklimat yang sama, beliau turut menjelaskan berkenaan peranan Taklimat Harian PMO dan tugas jurucakap Kerajaan Madani iaitu Fahmi Fadzil tidak bertindih.

"Adakah ia bertindih dengan tugas beliau sebagai jurucakap Kerajaan



TUNKU NASHRUL

Madani? Jawapannya, tidak.

"Taklimat Harian PMO memberi tumpuan kepada perkembangan harian atau gerak kerja Perdana Menteri, penjelasan beliau mengenai isu semasa yang mendesak dan arahan kepada kementerian atau agensi untuk pastikan dasar kerajaan dilaksanakan dengan tersusun serta berkesan.

"Peranan Fahmi selaku jurucakap kerajaan pula bertanggungjawab menjelaskan isu dan persoalan membabitkan dasar kerajaan serta keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri," ujar beliau.

Menurut Tunku Nashrul, Taklimat Harian PMO bukan pengganti kepada

jurucakap kerajaan tetapi menjadi pelengkap bagi memperkukuh struktur komunikasi kerajaan.

Tambah beliau lagi, melalui strategi komunikasi yang lebih menyeluruh, kerajaan dapat memastikan rakyat menerima maklumat tepat di samping mencantas fitnah dan maklumat palsu dengan pantas serta berkesan.

Sementara itu, beliau menambah, berkenaan Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Parlimen 2025 pula akan dibentangkan oleh Anwar pada Selasa.

"Insya-ALLAH RUU ini akan memberikan kematangan kepada sistem demokrasi negara dengan membuka ruang kepada Parlimen untuk menjalankan fungsi, peranan dan tanggungjawab lebih bebas," katanya.

Bekalan beras tempatan masih kurang di Kedah

Penduduk dakwa sukar peroleh bekalan, beras import lebih banyak di pasaran

Oleh SITI ZUBAIDAH
ZAKARAYA
SUNGAI PETANI

Beberapa lokasi tinjauan di negeri ini mendapati bekalan beras putih tempatan di pasaran masih berdepan dengan masalah kekurangan.

Seorang pengurus sebuah pasar raya di sini berkata, masih belum ada sebarang tanda-tanda situasi kekurangan bekalan beras itu akan pulih setakat ini.

Ujar beliau, pihaknya menerima bekalan beras putih tempatan sekitar 50 kampak dalam tempoh kira-kira seminggu berbanding beras import yang ada di pasaran.

"Macam biasa, bekalan beras putih tempatan akan dihantar dalam kira-kira 50 kampak.

"Pagi tadi hantar, sekejap saja dah habis. Semua orang tunggu untuk beli tetapi stok kurang.

"Kita tempah banyak dalam 500 hingga 600 kampak tetapi dibekalkan sekitar 50 kampak sahaja. Dijanjikan jika minggu depan ada stok, pembekal akan hantar.

"Difahamkan, jumlah bekalan



Bekalan beras import didapati lebih banyak berada di pasaran.



YAHAYA



FAIZUL

sama juga, akan dapat dalam 50 kampak. Begitulah bayangan yang diberikan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pengguna, Yahaya Ismail, 67, dari Yan mendakwa, sejak beberapa hari lalu, bekalan beras putih tempat-

an masih sukar diperolehi.

"Tak nampak lagi di pasaran... jika ada pun hanya di Jalan Rahmah yang dianjurkan pada masa-masa tertentu sahaja," ujarinya.

Seorang lagi pengguna, Faizul Nahirmi, 44, dari Sungai Lalang berkata, beberapa buah kedai di sekitar kawasan perumahannya juga masih belum terdapat bekalan beras putih tempatan.

"Hanya beras import ditawarkan kepada pengguna yang mana harganya lebih tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Shafawati Sobry, 40, dari Langkawi berkata, dia juga tidak dapat membeli beras tempatan walaupun kerajaan telah mengumumkan bekalannya akan mula berada di pasaran bermula Mac.

Perlis terima 30 tan beras putih tempatan bersubsidi

KANGAR - Kira-kira 30 tan metrik beras putih tempatan bersubsidi yang dihantar ke Perlis pada Sabtu lepas diagihkan di kedai runcit atau pasar raya berlesen di negeri itu secara berperingkat untuk dijual kepada golongan sasaran.

Exco Pertanian, Perladangan dan Kepenggunaan Perlis Razali Saad berkata, bagi mengelakkan pembelian panik, beras yang disasarkan untuk kegunaan golongan B40 atau miskin itu dihadkan pembeliannya kepada dua kampak setiap keluarga.

"Kita harap masyarakat tidak membuat pembelian panik, beli beras ini seperti biasa untuk memastikan agihan beras ini dapat dinikmati secara sama rata oleh golongan memerlukan," katanya kepada pemberita selepas meninjau bekalan beras itu di sebuah pasar raya di sini pada Isnin.

Pada 25 Februari lepas, media melaporkan beras putih tempatan bersubsidi berharga RM26 bagi pek 10 kilogram (kg) akan dijual di pasaran bermula 1 Mac.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Datuk Badrul Hisham Mohd dipetik sebagai berkata penjualan disasarkan kepada 400,000 ketua isi rumah (KIR) miskin termasuk 77,000 KIR miskin tegar.

Menurutnya, setakat ini 10 premis termasuk kedai runcit dan pasar raya di negeri itu menerima bekalan beras putih tempatan bersubsidi tersebut.

Beliau berkata, mekanisme kawalan dan penguatkuasaan akan diperkukuh melalui pasukan khas terdiri daripada agensi berkaitan untuk memastikan bekalan beras itu betul-betul sampai kepada golongan sasaran. - *Bernama*



Razali (kiri) meninjau bekalan beras putih tempatan di sebuah pasar raya di Kangar pada Isnin.

4/3/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

17

Oleh Fadhlil Hussein,
Dalila Amair dan
Syuhada Sukapeli dan
Muhamad Lokman
Khairi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar raya di sekitar ibu kota, semalam mendapati beras putih tempatan pada harga kawalan RM2.60 se-kilogram belum ada di pasaran.

Hasil tinjauan itu juga mendapati hanya beras import dijual dengan harga mencecah RM47 bagi satu kampak 10 kilogram (kg).

Seorang kakitangan pasar raya yang ingin dikenali sebagai Ahmad berkata, setakat ini mereka belum menerima stok beras putih tempatan seperti diumumkan kerajaan.

Bagaimanapun dia memaklumkan stok beras putih tempatan dihantar dalam minggu ini dan diadkan dua kampak 10kg untuk pembelian bagi setiap keluarga.

"Sudah lebih lapan bulan pasar raya ini tiada beras putih tempatan bermula Julai tahun lalu.

"Ramai pelanggan merungut dan bertanya tentang beras tempatan, tetapi buat masa ini kami

PENGGUNA KECEWA BPT TIADA DI PASARAN

Setahun tanggung beban beras mahal



PENGUNJUNG tidak ketinggalan membeli beras putih tempatan ketika tinjauan di Kedai Runcit Q Mart, Kuala Terengganu, kelmarin. Bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) bersubsidi pada harga RM26 bagi pek 10 kilogram mula memasuki pasaran Terengganu apabila dua cawangan kedai runcit menerima penghantaran pertama kelmarin.

hanya terima beberapa jenama beras import yang harganya lebih tinggi," katanya.

Suri rumah Noraini Osman, 57, berkata, dia terpaksa membeli beras import walaupun harga lebih mahal kerana tiada pilihan lain.

"Saya perlu berjimat kerana pembelian harga beras sekarang melebihi perbelanjaan keluarga," katanya.

Seorang lagi pengguna yang mahu dikenali sebagai Syehmie, 51, berkata, sudah hampir setahun dia merasa terbeban dengan harga beras import susulan ketiadaan beras putih tempatan dalam pasaran.

"Saya sarankan kerajaan kuatkan penguasaan ke atas makanan ruji ini untuk membantu kos sara hidup rakyat," katanya.

Bagi suri rumah yang hanya ingin dikenali sebagai Noriah, 44, dia tidak begitu terkesan dengan kenaikan harga beras import ketika ini.

"Harga beras semakin meningkat, tetapi ia hanya menambahkan sedikit sahaja kos barangan dapur saya.

"Kalau harga beras naik, harga barangan lain ada turun, namun saya masih mampu menanggung kos kenaikan harga beras sekarang," katanya.

PM arah KPKM segerakan pemulihan jualan BPT

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyegerakan usaha pemulihan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri Tunku Nashrul Abaidah berkata, Perdana Menteri juga mengarahkan KPKM supaya memaklumkan perkembangan berkenaan pemulihan bekalan BPT secara berkala kepada rakyat.

"Insya Allah pemulihan bekalan ini dilaksanakan secara berfasa," kata Tunku Nashrul menerusi Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri, yang disiarkan secara langsung di Facebook Anwar Ibrahim dan Pejabat Perdana Menteri Malaysia (PMO Malaysia), semalam.

Media pada Sabtu lalu melaporkan KPKM memaklumkan Pasukan Pe-

KPKM memaklumkan Pasukan Petugas Khas Bersepadu Operasi BPT mendapati punca kekurangan bekalan BPT disebabkan masalah struktur harga belian padi, kos pengeluaran beras dan harga siling BPT.

tugas Khas Bersepadu

Operasi BPT mendapati punca kekurangan bekalan BPT disebabkan masalah struktur harga belian padi, kos pengeluaran beras dan harga siling BPT.

Selain itu kementerian memaklumkan ia juga disebabkan tiada peruntukan khusus mengenai larangan percampuran beras dalam Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522). - Bernama



RAZALI (kiri) bersama anggota penguatkuasa Bahagian Kawal Sella Padi dan Beras memeriksa bekalan beras putih tempatan yang disimpan dalam sebuah stor penyimpanan sebuah pasar raya di Behor Pulau, Kangar. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

Perlis terima 3,000 kampak BPT untuk edaran jualan ke pasar raya

Kangar: Perlis mula menerima 3,000 kampak atau 30 tan metrik bekalan beras putih tempatan (BPT) bersubsidi sejak 1 Mac sebagai usaha mengatasi masalah kekurangan bekalan BPT di negeri itu.

Bekalan BPT yang hanya dipek untuk 10 kilogram (kg) dan dijual pada harga RM26 di beberapa pasar raya di negeri itu menyasarkan kegunaan bagi golongan B40 atau

golongan miskin.

Exco Pertanian, Perlindungan dan Kepenggunaan, Razali Saad berkata, penerimaan bekalan BPT itu diharapkan mampu mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada beras import yang dijual mahal.

"Sejak 1 Mac lalu, kami menerima 3,000 kampak atau 30 tan metrik BPT untuk kegunaan rakyat di negeri ini dan ia dijual di beberapa pasar raya terkenal.

"Bekalan BPT tidak dijual dalam pek lima kg dan bagi mengelak berlaku pembelian panik, kita menyasarkan seorang hanya boleh beli dua kampak BPT saja.

"Langkah ini bagi memastikan semua pihak dapat menikmati BPT bersubsidi serta tidak dimonopoli peniaga saja," katanya ketika meninjau bekalan BPT bersubsidi di stor penyimpanan pasar raya di Behor Pulau di sini, semalam.

Katanya, bekalan BPT di negeri ini ditambah dari semasa ke semasa dalam tempoh enam bulan sehingga Ogos.

"Seperti dinyatakan Kerajaan Persekutuan sebelum ini, mereka membuat intervensi dengan subsidi khusus bagi tempoh enam bulan ini.

"BPT ini juga menyasarkan kegunaan keluarga miskin dan miskin tegar serta golongan B40," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2025	HARIAN METRO	LOKAL	18

BANCI PERTANIAN 2024

Tingkat keterjaminan makanan negara

Kuala Lumpur: Hasil analisis data Banci Pertanian 2024 akan digunakan untuk penerbitan statistik pertanian secara berkala serta merangka, memantau dan menilai program bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata ini termasuk pengemaskinian indikator pertanian dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pertanian, serta pembangunan Indeks Harga Input Pertanian dan Indikator Keterjaminan Makanan Negara.

“Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin pengumpulan dan analisis data terkini

serta komprehensif memainkan peranan penting dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif lebih tersusun dan efektif.

“Penggunaan data tepat dan relevan membolehkan sumber terhad diagihkan secara cekap dan berkesan sekali gus meningkatkan tahap keterjaminan makanan negara,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Hassan Saad (PN-Baling)** mengenai status analisis data Banci Pertanian 2024 dan bagaimana hasil bancian akan digunakan untuk meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Banci Pertanian 2024 dilancarkan pada 4 Julai tahun lalu, bagi membangun

kan Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu (MySAGR) dan boleh diintegrasikan dengan data pentadbiran daripada Kementerian serta agensi berkaitan, bagi menghasilkan pangkalan data lebih komprehensif dan bersepadu.

Arthur berkata status terkini analisis data Banci Pertanian 2024 adalah pada peringkat pemuktamadan dapatan awalan banci.

Pada masa sama, beliau berkata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama KPKM, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan agensi negeri giat melaksanakan analisis data bagi tujuan pengesahan dan pengabsahan data.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Beras putih tempatan mula diedar

Oleh **ARIF AIMAN ASROL,**
ASYRAF MUHAMMAD dan
KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Beras putih tempatan (BPT) bersubsidi mula diedarkan di beberapa negeri bermula semalam selepas Perdana Menteri mengarahkan penyelesaian segera terhadap masalah itu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menyegerakan usaha pemuliharaan bekalan beras putih tempatan yang sedang menerima perhatian rakyat.

Di Kangar, Perlis, sebanyak 30 tan metrik atau 3,000 kampak beras putih tempatan bersubsidi pada harga RM26 bagi pek 10 kilogram (kg) mula dibekalkan di negeri ini.

Beras tersebut yang mula dibekalkan bermula Sabtu lalu diagihkan kepada kira-kira 10 kedai sekitar Perlis di kawasan Parlimen Arau, Kangar dan Padang Besar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, bekalan BPT itu akan dibawa masuk dari masa ke semasa bergantung kepada permintaan.

Katanya, kekerapan jumlah bekalan dibawa masuk dalam masa sebulan juga masih belum dipastikan buat masa ini dan ia akan dipantau oleh Kawal Selia Padi dan Beras negeri.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Beras putih tempatan mula diedar

Dari muka 1

"Kalau kita terus bawa masuk BPT dengan kadar banyak, takut nanti apabila tidak laku, ia akan rosak pula, jadi kita lihat dahulu pasaran bagaimana," katanya ketika ditemui selepas mengadakan tinjauan bekalan BPT di sebuah pasar raya di Jalan Behor Pulau, di sini semalam.

Razali berkata, BPT dibawa masuk untuk dipasarkan di negeri ini adalah merupakan bekalan daripada pengilang-pengilang di sekitar Kedah.

"Kita juga harapkan orang ramai tidak membuat pembelian panik dan mengehadkan satu keluarga hanya dua kampakit sahaja bagi membolehkan lebih banyak pihak berpeluang mendapatkan BPT ini," katanya.

Di Terengganu, orang ramai lega apabila bekalan beras tersebut mula diedarkan secara berperingkat di negeri itu bermula semalam.

Peringkat pertama, penghantaran beras subsidi dari Jasmine dilakukan diikuti penghantaran daripada Cap Rambutan dan Cap Saga pada Selasa.

Tinjauan di sebuah kedai runcit di Merbau Patah di sini mendapati, sebanyak 50 kampakit beras dijual di premis tersebut sejak semalam.

Seorang surirumah, Halimatussa'diah Abdul Aziz, 45 berkata, dia bersyukur dapat membeli dua kampakit beras yang berharga RM26 setiap beg untuk digunakan pada Ramadan ini.

"Saya harap bekalan beras ini tidak akan putus di pasaran pada masa akan datang. Kasihan rakyat kalau beras ini tiada di pasaran kerana harga beras import mahal dan membeban-



RAZALI Saad (kiri) meninjau setor penyimpanan beras putih tempatan di sebuah pasar raya sekitar Jalan Behor Pulau, Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

kan pengguna," katanya.

Seorang kakitangan swasta, Mohamad Amirul Azlan Hanafi, 35, pula berharap pihak berkuasa terus memantau penjualan beras itu agar dapat dinikmati rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

"Memang sebelum ini rasa terbeban kalau beli beras import, harganya mahal berbanding BPT yang ada subsidi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Negeri Kawalselia Padi dan Beras Terengganu, Ahmad Sufian Zulkipeli berkata, setakat ini Q Mart menjadi premis pertama yang menerima bekalan tersebut.

"Q Mart telah membuat pesanan belian (PO) dan proses penghantaran beras itu bermula semalam manakala peruncit lain seperti pasar raya Giant dan Mydin masih dalam proses permohonan.

"Pemborong dari luar seperti Selangor, Kuala Lumpur dan

Johor mengambil masa sedikit untuk penghantaran kerana ada yang masih bercuti.

"Pemantauan rapi dilakukan bagi memastikan bekalan 24 juta pek beras subsidi sampai ke seluruh Semenanjung Malaysia termasuk di Terengganu," katanya.

Sementara itu, lain-lain negeri yang masih belum menerima bekalan BPT dijangka akan menerima bekalan tersebut bermula minggu ini dan minggu depan.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan keluhan orang ramai untuk mendapatkan BPT yang dijual pada harga RM26 bagi kampakit 10 kilogram tidak kesampaian apabila tiada pasar raya dan kedai runcit yang menjual beras tersebut.

Keadaan itu menimbulkan tanda tanya terutama selepas kerajaan mengumumkan 24 juta kampakit beras untuk 400,000 keluarga miskin tersebut sepatutnya dijual mulai 1 Mac lalu.

Anwar arah segerakan pemulihan bekalan beras putih tempatan

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya usaha pemulihan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran, di-segerakan.

Menjelaskan perkembangan itu, Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri semalam, berkata arahan itu dikeluarkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Perdana Menteri juga, katanya, turut mengarahkan KPKM memaklumkan perkembangan pemulihan bekalan BPT secara berkala kepada rakyat.

"Perdana Menteri mengambil maklum isu beras putih tempatan yang terus menjadi perhatian di negara ini. InsyaAllah pemulihan bekalan sedang dilaksanakan secara berfasa," katanya dalam siaran

langsung di platform Facebook Anwar Ibrahim dan Facebook PMO Malaysia.

Isu BPT mula menjadi polemik apabila bekalannya dilaporkan tiada di pasaran dan kelmarin, KPKM memberi komitmen menyiasat isu kehilangan BPT serta dakwaan pencampuran beras tempatan serta import dalam bungkusan sama dan dijual lebih mahal.

DiKangar, EXCO Pertanian, Perlindungan dan Kepenggu-

naan Perlis, Razali Saad ketika meninjau bekalan BPT di pasar raya di Behor Pulau, berkata negeri itu mula menerima 3,000 kampak atau 30 tan BPT bersubsidi sejak 1 Mac.

Bekalan BPT dalam bungkusan 10 kilogram (kg) dan dijual RM26 dipasarkan di beberapa pasar raya di Perlis untuk B40 atau golongan miskin, sekali gus mengurangkan keberangtungan kepada beras import yang mahal.

"Bekalan BPT ini tidak dijual pek 5kg dan bagi elak pembelian panik, kita sasaran seorang hanya boleh beli dua kampak BPT. Ini bagi memastikan semua pihak dapat menikmati BPT bersubsidi, tidak dimonopoli peniaga saja," katanya.

Katanya, bekalan BPT di negeri itu akan ditambah dari semasa ke semasa dalam tempoh enam bulan sehingga Ogos hadapan.

Data tepat dan relevan tingkat keterjaminan makanan negara

Analisis terkini dikemas kini bolehkan sumber terhad diagih secara cekap

Kuala Lumpur: Hasil analisis data Banci Pertanian 2024 akan diguna pakai untuk penerbitan statistik pertanian secara berkala, selain merangka, memantau dan menilai program bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata ini termasuk pemaskinian indikator pertanian dalam Keluaran Dalam Negeri

Kasar (KDNK) Pertanian serta pembangunan Indeks Harga Input Pertanian dan Indikator Keterjaminan Makanan Negara.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin bahawa pengumpulan dan analisis data terkini serta komprehensif memainkan peranan penting dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif lebih tersusun dan efektif.

"Penggunaan data yang tepat dan relevan membolehkan sumber terhad diagihkan secara cekap dan berkesan, sekali gus meningkatkan tahap keterjaminan makanan negara," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Hassan Saad (PN-Baling) menge-

nai status terkini analisis data Banci Pertanian 2024 dan bagaimana hasil bancian akan digunakan untuk meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Bangunkan MySagR

Banci Pertanian 2024 dilancarkan 4 Julai lalu bagi membangunkan Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu (MySagR) dan boleh diintegrasikan dengan data pentadbiran daripada kementerian serta agensi berkaitan bagi menghasilkan pangkalan data lebih komprehensif dan bersepadu.

Arthur berkata, status terkini analisis data Banci Pertanian 2024 adalah pada peringkat memuktamadkan data awalan banci.



Arthur Joseph Kurup

Pada masa sama, beliau berkata, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama KPKM, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta agensi negeri dan daerah sedang giat melaksanakan analisis data bagi tujuan pengesanan dan pengabsahan data. BERNAMA



MARDI akan mempertahankan keupayaan menghasilkan benih padi asas berkualiti. (Foto hiasan)

MARDI tiada kuasa pantau benih padi sah

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tidak terbahit dengan pengeluaran dan pembekalan benih sah kepada pesawah yang dikaitkan dengan tahap percambahan kurang memuaskan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Mohammad Zabawi Abdul Ghani, berkata MARDI hanya mengeluarkan benih asas kepada pengeluar benih sah, yang dilantik Bahagian Kawal Sella Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Katanya, MARDI tidak pernah dilantik serta tidak mempunyai kapasiti dalam aspek infrastruktur dan sumber manusia untuk menghasilkan benih sah kepada pesawah.

Kualiti benih padi sah pembekal swasta dipersoal

Pesawah di tanah seluas 100 hektar, berhampiran dengan kawasan pertanian, mempertanyakan kualiti benih padi yang mereka terima dari pembekal swasta.

"MARDI hanya menanam benih asas yang dikawal kualitinya bagi semua varieti yang dihasilkan MARDI iaitu yang berkod MR. Ia kemudian dijual kepada pengeluar benih berdaftar untuk dijadikan benih sah yang dijual kepada petani.

"Pengeluaran benih asas kita

memang dijamin kualitinya kerana mempunyai pengiktirafan MS ISO 9001 bagi memastikan biji benih padi dikeluarkan adalah berkualiti dan memenuhi piawaian kawalan pengeluaran benih.

"Kita tidak terbahit sama sekali dalam pengeluaran benih padi sah yang dikaitkan dengan tahap kualitinya," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi Badan Bertindak Petani, Che Ani Mat Zain, yang mempersoalkan kualiti benih padi sah dikeluarkan pembekal swasta kerana kadar percambahan didakwa rendah.

Che Ani dilaporkan berkata, varieti benih padi yang didakwa kurang berkualiti itu ialah MR297, IS21, MR315, MR263

dan MR269.

Mohammad Zabawi berkata, MARDI membekalkan kira-kira 100 tan benih asas bagi dua musim tanaman padi kepada syarikat pengeluar benih untuk menghasilkan benih padi sah sebelum dijual kepada pesawah oleh syarikat pengeluar terbahit.

Katanya, MARDI akan terus mempertahankan keupayaan institut itu bagi menghasilkan benih padi asas yang berkualiti di negara ini.

Berhubung gesaan Badan Bertindak Petani supaya MARDI dan Jabatan Pertanian membuat pemantauan ketat terhadap pembekal supaya kualiti tidak dikompromi, beliau berkata, ia bukan di bawah bidang kuasa institut itu.

ACTION AGAINST STRAYS

Owner of dogs that mauled boy faces fine, says council

LANGKAWI: The owner of the dogs that mauled a child in Kampong Dede, Sungai Menghulu, here, on Saturday faces a fine by the Tourism City of Langkawi Municipal Council.

A spokesman for the council said investigations were underway to determine if the dogs had a owner or were strays.

"We are also investigating if the dogs belonged to someone but are unlicensed, as the course of action will differ accordingly."

"If the dogs have an owner but are unlicensed, we will issue a compound notice to the owner," he said.

The spokesman added that the council was prepared to take action under the Local Government Act 1976, specifically the dog licensing by-laws applicable to the Langkawi district.

"For cases involving dog attacks on humans, enforcement falls under the Animals Act 1953, handled by the Veterinary Services Department and the police."

"If the dogs are caught, we will hand them over to the department or police for further action," he said.

On efforts to control stray dogs here, the spokesman said the council regularly conducted operations following public complaints.

"A total of 106 stray dogs have been captured within the council's jurisdiction in the first two months of this year."

"Records show that an average of 300 to 400 stray dogs were caught annually in the district — 455 in 2022, 415 in 2023 and 369 in 2024," he said.

It was reported that 4-year-old Ahmad Raihan Abdul Mukmin sustained severe head, body and leg injuries when he was attacked by a pack of dogs near his home. Hewasrescuedby bystanders and rushed to Sultanah

Malihah Hospital. The boy's mother, Nur Solehah Mat Hahir, 25, said that the dogs had surrounded and attacked her son in the 10.30am incident.

We are also investigating

if the dogs belonged to someone but are unlicensed, as the course of action will differ accordingly. If the dogs have an owner but are unlicensed, we will issue a compound notice to the owner

Tourism City of Langkawi Municipal Council spokesman